

Nama : .....

Tingkatan : .....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)

TREND LAYAK SIJIL SPM 2023

SEJARAH  
KERTAS 2

DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B.*
3. *Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas jawapan Bahagian B.*
6. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1		
	2		
	3		
	4		
B	5		
	6		
	7		
	8		
	9		
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**  
*[40 MARKAH]*

*Jawab semua soalan bahagian ini.*

1. Gerakan nasionalisme yang berlaku di negara barat telah mempengaruhi perkembangan nasionalisme di Asia dan Asia Tenggara

(a) Apakah maksud nasionalisme?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan faktor tercetusnya gerakan nasionalisme berikut:

i) Revolusi Keagungan (1688)

.....  
.....  
.....

[2 markah]

ii) Revolusi Amerika (1776)

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(c) Apakah iktibar yang diperolehi daripada peristiwa revolusi yang berlaku di Barat?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

2. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.

(a) Apakah matlamat penubuhan CLC?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah CLC berperanan untuk menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Teliti maklumat berikut.

Usaha mengekalkan keharmonian negara yang memiliki masyarakat berbilang kaum dilihat bukan satu perkara yang mudah dan boleh dipandang enteng. Justeru, semua lapisan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing.

Sumber ubah suai: [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

SULIT

3 Kebebasan asasi adalah penting kepada setiap umat manusia kerana ia merupakan kebebasan yang dimiliki oleh setiap umat manusia sejak dilahirkan di dunia ini.

Sumber : <https://doi.org/10.17576/juum-2016-20-01>

(a) Nyatakan tiga cabang amalan demokrasi yang diamalkan dalam sistem pemerintahan di negara kita.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(b) Takrifkan kebebasan asasi berdasarkan perlembagaan persekutuan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Mengapakah kebebasan asasi penting kepada individu?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4. Usul pembentukan Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961 dan mendapat sokongan majoriti ahli dewan.

(a) Bagaimanakah langkah berikut memainkan peranan dalam Pembentukan Malaysia?

(i) Suruhanjaya Cobbold

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(ii) Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(b) Ramalkan keadaan sekiranya Suruhanjaya Cobbold tidak dibentuk pada bulan Januari 1962.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**BAHAGIAN B**  
**[60 MARKAH]**

*Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.*

5. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 adalah lambang kejayaan perjuangan orang-orang Melayu mempertahankan maruah bangsa dan negara.
- (a) Terangkan faktor-faktor yang mendorong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri yang terkandung dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

Dalam konteks Malaysia, patriotisme perlu ada pada diri setiap rakyat Malaysia. Ini kerana kemerdekaan yang kita kecapai bukan dicapai dalam masa yang singkat. Sebaliknya, berlangsung dalam suasana dramatik dan tidak harus dilupakan bagi mengekalkan kesinambungan kemerdekaan dicapai.

Semangat patriotisme terhadap negara tidak sewajarnya timbul hanya dalam perjuangan menuntut kemerdekaan atau apabila negara berada dalam ancaman musuh semata-mata.

Dalam keadaan aman umpamanya, semangat patriotisme seharusnya menjadi pendorong setiap rakyat yang cintakan negaranya untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya.

Sumber : [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda.

[8 markah]

6. Antara tugas Suruhanjaya Reid termasuklah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka.

(a) Jelaskan Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

[6 markah]

(b) Huraikan memorandum yang dikemukakan oleh parti politik dan pihak awam dalam langkah penggubalan perlembagaan tersebut.


[6 markah]

(c) Permuafakatan menjamin kestabilan politik negara.

Bincangkan.

[8 markah]

7. Rajah berikut berkaitan struktur pentadbiran Persekutuan berteraskan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen



(a) Apakah fungsi Majlis Raja-Raja dalam sistem pemerintahan di atas?

[4 markah]

(b) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa pemerintahan yang luas di negara kita. Jelaskan kuasa baginda dalam aspek berikut.

(i) Kuasa Eksekutif

[4 markah]

(ii) Kuasa Perundangan

[4 markah]

c) Mengapakah institusi Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan?

[8 markah]

8. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Jun 1991.
- (a) Terangkan strategi pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara di negara kita.  
[6 markah]
- (b) Huraikan usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam pelaksanaan DPN?  
[6 markah]
- (c) Teliti maklumat berikut.

Perpaduan negara akan terus menjadi matlamat terakhir DPN kerana masyarakat yang bersatupadu adalah penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. DPN menetapkan satu langkah ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan, dan kecemerlangan ekonomi.

Pendekatan yang lebih terpilih akan dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk mencapai hasil yang berkualiti dan berkekalan. Dalam proses menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin dan juga mengurangkan ketidakseimbangan, penekanan akan diberikan kepada aspek-aspek pendidikan dan latihan sebelum bantuan diberikan;

DPN telah mengambilkira kemampuan negara untuk bersaing dengan lebih terdaya dalam pasaran antarabangsa di samping menghadapi cabaran baru. Di dalam menghadapi persaingan antarabangsa, Malaysia perlu meningkatkan daya tarikan kepada pelabur dan pengusaha supaya dapat memperluaskan urusan mereka di negara ini.

Sumber ubah suai:

[https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/08DASAR\\_PEMBANGUNAN\\_NASIONAL.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/08DASAR_PEMBANGUNAN_NASIONAL.pdf)

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan cadangkan langkah memajukan Malaysia.

[8 markah]

9. Jadual berikut menunjukkan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau.

TAHUN	PERTUBUHAN
1961	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA)
1963	Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO)
1967	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

- (a) Jelaskan latar belakang kewujudan pertubuhan tersebut. [4 markah]
- (b) Terangkan pelibatan Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk kemajuan dan kemakmuran bersama [8 markah]
- (c) Suara Malaysia dalam kalangan negara anggota ASEAN terus dihormati dan menjadi contoh kepada negara-negara lain dalam menangani isu-isu global.

Sumber ubah suai: moha.gov.my2017

Beri ulasan anda.

**\* SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT \***